

XXXXXX

LAWAN

XXXXXX

**Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka
(Y.A.A. DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM
KETUA HAKIM SYARIE MELAKA)
[19 Jamadil Awal 1430 H bersamaan 14 Mei 2009 M]**

Kes Mal No: 04100-022-0125-2008

1. Undang-Undang Pentadbiran:

Bidang kuasa Mahkamah mendengar dan memutuskan kes mengenai pengurangan Perintah Nafkah Seksyen 49 enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

2. Undang-Undang Keluarga Islam:

Seksyen 62, Kuasa Mahkamah membuat Penaksiran Nafkah berdasarkan kemampuan dan keperluan pihak-pihak.

FAKTA KES:

1. Di dalam kes ini pihak-pihak telah berkahwin pada 3 Mac 2000. Hasil perkahwinan mereka di anugerahi dua orang anak. Perkahwinan mereka berakhir dengan bercerai pada 22 September 2005 di Melaka. Plaintiff bekerja sebagai Kerani Am di sebuah Institusi Kewangan di Melaka dengan pendapatan sebulan RM1,525.75. Sekarang ini Plaintiff telah berkahwin lain dan membiayai seorang anak tiri.

2. Melalui kes Mal No. 04100-028-0158- tahun 2004 pihak Plaintiff telah di peruntukan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Melaka membayar nafkah sementara untuk kedua-dua anaknya berjumlah RM400 sebulan. Setelah Perintah Sementara ini berjalan Plaintiff memohon kepada Mahkamah untuk mengurangkan pembayaran nafkah dua orang anak Plaintiff daripada RM400.00 sebulan kepada RM200.00 sebulan dengan alasan bahawa Plaintiff tidak mampu menanggung nafkah tersebut.

Diputuskan:

1. Mahkamah menolak permohonan Plaintiff dan mengekalkan pembayaran nafkah dua orang anak secara kekal RM400.00 tiap-tiap bulan mulai 9 Oktober 2006 sehingga ke hadapan.
2. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

Peguam Syarie

Plaintif - Tidak diwakili oleh mana-mana Peguam
Defendan - Di wakili oleh Biro Bantuan Guaman Melaka

Surat-surat al-Quran yang dirujuk

Firman Allah dalam surah Talaq ayat 7

Hadis-Hadis yang di rujuk

1. رواه ابو داود: كتاب الزكاة
باب صلة الحم
قال صلى الله عليه وسلم ابدأ بنفسك ثم بمن تقول

Kitab-Kitab yang di rujuk

1. اعادة الطالبيين
Karangan Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati
2. بذل المجهود في مل سنن ابي داود
Karangan al-Syeikh Khalil Ahmad al-Saharanbfuri
3. Al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah
Karangan Dr. Ablah
4. الام - امام الشافص
5. الاصول الشنحسية
Karangan Prof Dr. Muhammad Baltaji
6. المغني
Karangan Imam Ibnu Qudanah
7. بدأح الصنا تع
Karangan Imam al-Kasaani

Undang-Undang yang di rujuk

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002
2. Undang-Undang keluarga Islam Negeri Melaka 2002.

Kes-kes yang di rujuk

1. Kes XXXXXX lawan XXXXXX - [(1980) I.J.H (2) 1027]
2. XXXXXX lawan XXXXXX - [(1973) 3 J.H. 87]
3. Kes XXXXXX lawan XXXXXX - [(1984) 5.J.H. 2006]

PENGHAKIMAN OLEH YAA DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

1. Dalam kes ini Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan terhadap permohonan pengurangan Perintah Nafkah. Ini berdasarkan kepada Seksyen 49(1), (3) (b) (iii), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.

Mengikut Seksyen 49(1)

"49(1). Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Melaka dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

"49(3) (b). Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan –

"49(3)(b)(iii). Nafkah orang-orang tanggungan kesahtarafan atau penjagaan atau jagaan (Hadanah) budak-budak.

Mengikut seksyen 62, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002, Mahkamah berkuasa membuat taksiran terhadap kemampuan dan keperluan nafkah.

2. Dalam kes ini Plaintiff tidak diwakili oleh mana-mana Peguam. Sementara Defendan di wakili oleh Peguam Biro Bantuan Guaman Melaka. Kedua-dua pihak telah memberi keterangan dan hujahan serta membawa saksi-saksi bagi menyokong keterangan mereka.

3. Mengikut keterangan Plaintiff bahawa beliau bekerja sebagai Kerani di Alliance Bank Berhad dengan pendapatan sebanyak RM1,525.75 sebulan. Daripada pendapatan tersebut pihak Plaintiff telah membelanjakan untuk membayar segala pembiayaan bulanannya seperti berikut:-

a)	Bayaran Pinjaman Perumahan	RM434.00
b)	Bayaran Sewa Beli Kereta	RM368.00
c)	Bayaran Insuran Future Care	RM 95.00
d)	Bayaran Bil-Bil Rumah	RM150.00
e)	Bayaran bil-bil Rumah	RM262.00

		RM1,304.00
		=====

Hasilnya pendapatan setelah di tolak perbelanjaan bulan adalah berbaki banyak RM218.75.

4. Keluarga Plaintiff juga mempunyai tanggungan masing-masing dan pernah membatu Plaintiff di dalam keadaan yang terdesak. Pihak Keluarga Defendan juga membantu memberikan nafkah kepada anak-anak tersebut.

5. Setelah ditolak perbelanjaan tersebut maka bakinya menunjukkan bahawa Plaintiff tidak berkemampuan untuk membayar nafkah dua orang anak tersebut. Apatah lagi untuk menambahkan pembayaran seperti mana yang dituntut di dalam pembelaan balas Defendan.
6. Plaintiff menyatakan bahawa gaji bulanannya adalah cukup untuk perbelanjaan beliau, isteri baru beliau dan pembiayaan anak tiri beliau.
7. Plaintiff menyatakan walaupun beliau bekerja hampir 10 tahun namun ia masih lagi mendapat gaji yang minimum iaitu dalam lingkungan RM1,500 sebulan.
8. Manakala Defendan telah memberi keterangan dan hujahan seperti berikut:-
 - 8.1. Defendan dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan permohonan Plaintiff untuk mengurangkan nafkah anak-anak dan seterusnya membuat tuntutan balas bagi menaikkan nafkah dua orang anak sebanyak RM600.00 sebulan kerana berlaku peningkatan kos.
 - 8.2. Seterusnya Defendan menyatakan bahawa tuntutan sampingan iaitu untuk perbelanjaan awal persekolahan anak sebanyak RM600.00 setahun. Perbelanjaan untuk hari raya sebanyak RM600.00 setahun.

- 8.3. Defendan dalam keterangan kepada Mahkamah bersetuju dengan pendapatan Plaintiff sebanyak RM1,525.75 sebulan. Namun Defendan percaya bahawa Plaintiff akan dapat kenaikan gaji setiap tahun. Defendan juga membuat kerja lebih masa. Seterusnya Defendan tidak bersetuju dengan senarai perbelanjaan Plaintiff.
- 8.4. Defendan seterusnya menjelaskan kepada Mahkamah bahawa beliau menjaga dua orang anak berumur tujuh dan enam tahun dan tinggal bersama-sama keluarga Defendan.
- 8.5. Seterusnya Defendan menerangkan secara terperinci berkenaan dengan perbelanjaan kedua-dua orang setiap bulan dan dikemukakan resit-resit bagi setiap jenis perbelanjaan tersebut.
- 8.6. Defendan menyatakan kepada Mahkamah berkenaan dengan perbelanjaan anak pertama setiap bulan adalah seperti berikut:-
- i) Tambang van sekolah RM55.00 sebulan
 - ii) Tuisyen RM80.00 sebulan
 - iii) Insuran RM100.00 sebulan
 - iv) Duit mengaji RM20.00 sebulan
 - v) Duit poket RM50 sebulan
 - vi) Rawatan RM50 sebulan
 - vii) Jumlah di atas **RM355.00**
 - viii) Awal persekolahan RM300.00 sebulan
 - ix) Hari Raya RM300.00 setahun

8.7. Manakala perbelanjaan anak kedua setiap bulan adalah seperti berikut:-

- i) Simpanan RM100.00
- ii) Yuran sekolah RM240.00 sebulan
- iii) Insuran RM100.00 sebulan
- iv) Duit Poket RM50 sebulan
- v) Duit mengaji RM20.00 sebulan
- vi) Rawatan RM50 sebulan
- vii) Vitamin RM60 sebulan
- viii) Jumlah di atas **RM480.00**
- ix) Awal persekolahan RM300.00 setahun
- x) Hari Raya RM300.00 setahun

8.8. Seterusnya Defendan menyatakan bagi perbelanjaan lain untuk makan minum di rumah dan lain-lain untuk dua orang anak tersebut sebanyak RM400.00 sebulan.

8.9. Jumlah keseluruhan perbelanjaan kedua-dua orang anak tersebut melebihi RM1000.00 sebulan dan amat tidak munasabah untuk Plaintiff membayar nafkah anak sebanyak RM200.00 sebulan.

8.10. Seterusnya Defendan menyatakan bahawa Plaintiff mampu untuk membayar nafkah anak sebanyak RM600 sebulan.

8.11. Defendan telah memberi keterangan bahawa beliau tidak mampu untuk menanggung seorang diri bagi nafkah anak setiap bulan. Dengan pendapatan sebanyak RM2,500.00 sebulan, Defendan memperuntukkan separuh daripada gaji Defendan untuk perbelanjaan anak-anak setiap bulan.

9. Di dalam keterangan dan hujahan mereka, Mahkamah dapati timbul beberapa isu persoalan mengenai ke tidak kemampuan Plaintiff untuk membayar nafkah dua orang anak tersebut.

Persoalannya ialah:-

- i) Adakah pihak Plaintiff benar-benar tidak mampu untuk membayar nafkah dua orang anak sebanyak RM400.00 tiap-tiap bulan seperti mana yang diperintah oleh Mahkamah.
 - ii) Adakah pihak Plaintiff mempunyai bukti-bukti yang kukuh bahawa beliau benar-benar tidak mampu menjelaskan pembayaran tersebut.
 - iii) Adakah alasan-alasan yang di kemukakan oleh Plaintiff untuk mengurangkan perintah nafkah tersebut.
10. Mengenai persoalan pertama Mahkamah dapati Plaintiff mempunyai pendapatan sebanyak RM1,525.75 sebulan. Pendapatan ini berdasarkan kepada gaji bulanan yang diterima oleh Plaintiff setiap bulan. Di samping pendapatan tetap Plaintiff juga ada menjalankan

kerja-kerja lebih masa tetapi tidak selalu. Kadang-kadang ada kadang-kadang tiada. Di dalam bulan September 2008 Plaintiff hanya mendapat RM280.00 sahaja daripada kerja-kerja lebih masa. Plaintiff juga menyatakan beliau mendapat bonus dua bulan gaji setiap tahun daripada Alliance Bank sebanyak RM3,476.00.

11. Di samping mempunyai pendapatan tetap lebih masa dan bonus Plaintiff juga mempunyai tanggungan membayar kesemua bil-bil secara tetap. Bil-bil bulanan adalah seperti berikut:-

i)	Bayaran pinjaman perumahan	- RM 434.00
ii)	Bayaran Sewa Beli Kereta	- RM 368.00
iii)	Bayaran Insuran Future Care	- RM 95.00
iv)	Bayaran Pinjaman Peribadi	- RM 262.00
	Kesemua ini berjumlah	- RM1,307.00

12. Di dalam membuat pertimbangan ini Mahkamah akan cuba melihat, adakah kesemua tanggungan yang ditanggung oleh Plaintiff di kira sebagai keperluan.
13. Mahkamah juga akan mengambil kira juga aspek-aspek keperluan tersebut dalam membuat pengukuran terhadap penentuan asas pertimbangan ke tidak kemampuan Plaintiff untuk membayar nafkah anak tersebut. Untuk itu Mahkamah mencuba mengetengahkan persoalan pendapatannya, pemotongannya dan bakinya kerana di situlah kita akan dapat mengukur sejauh mana kemampuan Plaintiff sebenarnya.

14. Di dalam persoalan keperluan ini saya berpendapat bahawa sudah menjadi lumrah manusia di mana setiap insan yang hidup di atas muka bumi ini berusaha untuk mendapatkan sebuah rumah untuk tempat tinggal atau berteduh. Manakala kenderaan pula untuk membolehkan ia bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Mahkamah dapati kenderaan yang telah dibeli adalah kenderaan yang terpakai, tidak yang baru. Manakala insurans pula merupakan satu pakej yang mesti diambil semasa membeli rumah atau kereta atau dengan kata lain ia menjadi kewajipan. Mengenai lain-lain keperluan Mahkamah menganggap ia boleh mengadakannya atau tidak mengadakannya terpulang kepada kemampuannya.
15. Mahkamah telah dimaklumkan bahawa pendapatan dan perbelanjaan bulan adalah seperti berikut:-

a)	Jumlah pendapatan bulanan	-	RM1,525.75
b)	Jumlah perbelanjaan bulanan	-	RM1,307.00

RM 218.75			
=====			

Mahkamah dapati jumlah baki yang masih ada di dalam simpanan Plaintiff adalah sebanyak RM218.75 sahaja. Baki ini tidak mengambil kira pendapatan kerja lebih masa dan bonus Plaintiff. Kalau dicampurkan kemungkinan angkanya akan meningkat.

16. Mahkamah berpendapat bahawa perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan minyak kenderaan, juga tidak termasuk perbelanjaan keperluan barang-barang dapur kering dan basah, juga tidak termasuk perbelanjaan isteri yang baru dan juga anak angkat.
17. Di samping itu juga Plaintiff menyatakan ada kalanya beliau tidak cukup perbelanjaan maka untuk mengatasi masalah ini Plaintiff meminta pertolongan daripada bapanya atau rakan-rakan sepejabatnya. Akan tetapi kesemua pinjaman tersebut telah di bayar balik.
18. Untuk menyokong keterangan Plaintiff, Plaintiff telah membawa dua orang saksi untuk memberi keterangan. Di dalam keterangan tersebut Mahkamah dapati saksi-saksi tersebut telah tidak dapat membuktikan malah saksi-saksi Plaintiff tidak mengetahui perbelanjaan sebenarnya Plaintiff saksi-saksi tersebut hanya menegaskan bahawa Plaintiff tidak mampu untuk membayar nafkah dua orang anaknya. Akan tetapi saksi-saksi tersebut tidak menjelaskan apakah sudut atau aspek-aspek

atau ciri-ciri manakah ke tidak kemampuan tersebut. Kesimpulannya Mahkamah berpendapat bahawa saksi-saksi Plaintiff tidak banyak membantu keterangan Plaintiff dalam menyokong tuntutanya sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w ada menyatakan keterangan pada yang mendakwa dan sumpah pada yang ingkar. Ini diperkuatkan lagi dengan seksyen 72 Enakmen keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002. Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes Mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu Fakta (al-Mudda'ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'alaih).

19. Mengenai persoalan ke tidak kemampuan ini Mahkamah dapati juga Plaintiff hanya dapat membuktikan dengan membawa beberapa resit-resit rasmi atau dokumen-dokumen perbelanjaan seperti berikut:-

i)	Policy Schedule Pembayaran	- RM 95.00
ii)	Housing Loan	- RM434.00
iii)	Resit bayaran Astro	- RM 74.90
iv)	Bil-Bil Api Elektrik	- RM 75.06
v)	Jusco Visa Card	- RM100.00

20. Mahkamah dapati juga pihak Plaintiff telah menyatakan di dalam tanggungan pembayaran seperti mana yang dinyatakan dalam pembayaran bil-bil tanggungan termasuklah:-

- i) Bayaran sewa beli kereta - RM368.00
- ii) Bayaran pinjaman peribadi - RM262.00

Kedua-dua item ini Mahkamah dapati Plaintiff tidak dapat membawa resit-resit dan dokumen-dokumen asal atau salinan semasa Plaintiff memberi keterangan. Di dalam soal ini walaupun kemungkinan item-item itu benar tetapi plaintiff tidak membuktikan dengan menunjukkan resit-resit dan dokumen-dokumen maka Mahkamah menganggap ia adalah sebagai satu fakta yang tidak dibuktikan.

21. Begitu juga dengan keterangan Plaintiff bahawa beliau mendakwa telah berkahwin baru dan mempunyai seorang anak tiri tetapi plaintiff tidak menunjukkan dan membuktikan dengan membawa surat nikah asal dan surat beranak asal anak tiri. Walaupun Plaintiff menyertakan salinan sijil nikah tetapi salinan asal tidak ditunjukkan kepada Mahkamah maka Mahkamah menganggap bahawa keterangan sekunder tanpa yang asal adalah tidak boleh diterima. Ini jelas dalam seksyen 50 Akta keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka (2002) iaitu salinan yang disalin daripada suatu salinan tetapi kemudiannya dibandingkan dengan dokumen asal ialah keterangan sekunder, tetapi salinan yang tidak dibandingkan sedemikian itu bukanlah keterangan sekunder mengenai dokumen asal walaupun salinan yang daripadanya ia disalin telah dibandingkan dengan dokumen asal.

22. Sekiranya Mahkamah boleh menerima bukti-bukti tersebut maka akan timbul banyak persoalan kerana semua orang boleh mendakwa demikian bahawa mereka telah berkahwin, mereka telah membeli kereta, mereka telah membuat pinjaman peribadi, itu dan ini. Akan tetapi oleh sebab dakwaan tersebut tidak dibuktikan maka dakwaan tersebut adalah dakwaan semata-mata sahaja dan Mahkamah tidak boleh menerima tanpa ada bukti-bukti yang kukuh kerana dakwaan tersebut tidak memenuhi kehendak dakwaan. Ini dijelaskan oleh Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati (meninggal tahun 1300 Hijrah) di dalam kitabnya "اعانة الطالبين" halaman 508-509, jilid 4 cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mesir ada menyebut:-

1. أن تكون مفصلة بان يفصل المدعي ما يدعيه

1. Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang dan menghuraikan secara terperinci

2. أن تكون ملزمة للمدعي عليه

2. Yang kena dakwa terikat dengan dakwaan

3. أن يعين المدعي عليه

3. Hendaklah ditentukan orang kena dakwa

4. أن لا تناقضها دعوى أخرى

4. Dakwaan yang dibuat tidak bercanggah dengan dakwaan yang Lain

5. أن يكون كل من المدعي والمدعى عليه مكلفا

5. Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa atau kena dakwa adalah mukallaf

6. أن يكون كل منهما ملتزما للأحكام

6. Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa dan orang yang kena dakwa terikat dengan hukum.

23. Di dalam mencari-mencari bukti tersebut, Mahkamah telah cuba meneliti slip gaji yang telah diberikan kepada Mahkamah. Mahkamah dapati di antara slip gaji yang terbaru yang boleh dijadikan ukuran dalam penentuan sama ada Plaintiff mampu atau tidak diterima untuk mengurangkan nafkah tersebut, adalah berdasarkan kepada slip gaji Plaintiff dalam bulan Januari 2008. Menurut slip gaji yang diterima oleh Plaintiff adalah seperti berikut:-

a)	Basic pay	-	RM1,812.00
b)	Normal Overtime	-	RM 128.00

Jumlah gaji yang diterima oleh Plaintiff adalah sebanyak **RM1,940.00.**

24. Manakala di dalam ruangan deduction (potongan) ada menyatakan seperti berikut:-

a)	Potongan EPF	- RM201.00
b)	Socso	- RM 9.75
c)	Court Order – Perintah Mahkamah Syariah	- RM800.00
d)	Nube Subscription	- RM 11.00
e)	Festival Advance	- RM100.00
f)	Housing Loan	- RM434.00
g)	Sundry Loan	- RM 92.00

Jumlah potongan adalah sebanyak **RM1,647.75**

Oleh itu jika dilihat kepada baki yang masih ada lagi adalah **berjumlah RM292.91.**

25. Mahkamah berpendapat bahawa baki RM292.92 belum lagi di campur dengan bonus tahun 2007. Lagi pun menurut slip gaji yang diterima oleh Plaintiff dalam bulan Januari 2008 adalah termasuk potongan dua bulan Perintah yang tidak dibayar oleh Plaintiff. Akan tetapi di dalam bulan Februari 2008 Mahkamah menjangkakan bahawa potongan akan hanya dibuat sebanyak RM400.00 sahaja. Ini menunjukkan pendapatan bersih bulan Februari menunjukkan bakinya RM692.91. Ini tidak di campurkan lagi dengan bayaran bonus yang diterima pada

akhir tahun 2007. Kalau di campur dengan bonus seperti mana yang diberitahu oleh Plaintiff yang beliau menerima dua bulan gaji iaitu RM3,476.00 maka jumlah bakinya akan meningkat. Jumlah bonus ini kalau di bahagikan mengikut 12 bulan maka Plaintiff mendapat RM289.66 sebulan. Kesemua jumlah jika di campur akan menjadi (RM692.91 + RM289.66) Jumlahnya adalah **RM982.57**

26. Dalam pada itu juga Mahkamah dapati gaji Plaintiff telah dinaikkan daripada RM1,738.00 (gaji April 2007) kepada RM1,812.00 (Januari 2008). Iaitu kenaikan gaji sebanyak RM74.00 setiap tahun. Mahkamah menjangkakan gaji Plaintiff bagi bulan Januari 2009 akan dinaikkan lagi kepada RM1,886.00. Maka jika dikira keseluruhan baki yang didapati adalah (RM982.57 + RM74.00) berjumlah RM1,056.57. Oleh sebab berlaku peningkatan kenaikan gaji, bayaran bonus, bayaran lebih masa, di masa akan datang maka saya menganggap Plaintiff boleh dikategorikan sebagai orang yang berkemampuan.
27. Di dalam persoalan ini Mahkamah tertarik kepada satu jawapan Plaintiff semasa di soal balas oleh Peguam Defendan mengenai pembayaran bil Astro. Plaintiff menjelaskan bahawa beliau ada melanggan Astro dan bayaran tetapnya adalah berjumlah RM74.90 setiap bulan. Apabila ditanya lagi berapakah jumlah setahun pembayaran Astro tersebut. Plaintiff menjelaskan bahawa jumlahnya adalah sebanyak RM898.80 setahun.

28. Daripada jawapan Plaintiff tersebut telah jelas kepada Mahkamah bahawa beliau tidak dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya. Di antara keperluan dan kepentingan anak-anak dengan keperluan melanggan Astro, Mahkamah menganggap jumlah pembayaran bil Astro setahun berjumlah RM898.80 adalah satu jumlah yang agak besar. Maka adalah lebih Awla (أولى) jika jumlah wang tersebut ditampung terhadap nafkah yang tidak mampu tersebut demi kepentingan dan keperluan pembelajaran serta pembesaran kanak-kanak tersebut.
29. Dalam soal ini sepatutnya Plaintiff lebih mementingkan soal pembayaran nafkah daripada melanggan Astro kerana anak-anak ini akan membesar dan akan mendapat pendidikan yang sempurna. Apabila anak-anak ini mendapat didikan yang sempurna maka kemungkinan anak-anak ini akan belajar sehingga ke menara gading. Akhirnya mereka akan mendapatkan pekerjaan. Adakah kejayaan anak-anak ini tidak dapat di kongsi bersama. Adakah bapa kepada kanak-kanak ini tidak merasa bangga sehingga anak-anak mendapat kejayaan apatah lagi kejayaan tersebut hasil daripada sumbangan nafkah kepada mereka. Dalam perkara ini saya tidak nampak alasan lain yang diberikan walaupun Plaintiff memberikan alasan bahawa Astro juga merangkumi siaran pendidikan, sejarah dan ilmu yang boleh memperkayakan minda. Jawapan ini seolah-olah mempertahankan bahawa melanggan Astro adalah satu keperluan sedangkan memberi nafkah anak adalah lebih utama.

Mengikut sebuah hadis iaitu:-

قال صلى الله عليه وسلم : إبدأ بنفسك ثم بمن تعول

Sabda Rasulullah s.aw : " dahulukan untuk dirimu kemudian orang yang di bawah tanggunganmu"

Sabda Rasulullah s.aw :

جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال : يا رسول الله صلى الله عليه وسلم
عندي دينار ، فقال : أنفقه على نفسك ،
قال : عندي آخر ، فقال : أنفقه على ولدك
قال : عندي آخر ، قال : أنفقه على زوجتك
قال : عندي آخر ، قال : أنفقه على خادمك
قال : عندي آخر ، قال : أنت أعلم

رواه أبو داود : كتاب الزكاة (باب صلة الرحم)

Terjemahannya; Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.aw seraya mengutarakan satu pertanyaan katanya:

Wahai Rasulullah s.aw sesungguhnya disisiku satu dinar, aku suka untuk membelanjakannya , kepada siapakah perlu aku berikan ?

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Belanjakanlah untuk diri mu

Lelaki itu bertanya lagi : Jika aku ada wang dinar lagi

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Belanjakan wang tersebut untuk anakmu

Lelaki tu bertanya lagi : Jika ada lagi wahai Rasulullah s.aw

Jawab baginda Rasulullah s.aw : Belanjakan wang dinar itu untuk isterimu

Lelaki itu bertanya lagi : Jika aku ada wang dinar lagi

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Belanjakan untuk khadammu Tanya lelaki itu lagi: Jika aku ada lebihan lagi

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Engkau lebih mengetahui tentang orang yang berhak menerima sedekah di kalangan kaum kerabat mu dan jiran mu dan juga sahabat-sahabatmu .

Menurut di dalam kitab " بذل المجهود في حل سنن أبي داود " karangan as-Syeikh Khalil Ahmad as-Saharanfuri, ada menyebut maksud hadis di atas seperti katanya:

قال الطيبي : إنما قدم الولد على الزوجة لشدة إفتقاره إلى النفقة

Kata Imam الطيبي : Sesungguhnya didahulukan anak daripada isteri dalam pemberian nafkah , ini adalah kerana anak amat memerlukan kepada nafkah tersebut.

Dr. Ablah didalam kitabnya " al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah " muka surat 160 bahawa ada menyebut **syarat-syarat wajib nafkah kepada anak** seperti berikut:

1. أن يكون الولد معسرا

Syarat pertama : Bahawa anak itu seorang yang susah

2. عدم القدرة على الكسب

Syarat kedua : Anak tersebut tak mampu hendak berkerja sendiri

(وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف)

Maksud Firman Allah T'aala:

Wajib ke atas bapa kepada anak itu memberikan makanan, pakaian kepada ibu anak itu dengan cara yang baik.

Di dalam kitab " الأم " jilid 5, halaman 78 oleh Imam as-Syafeii dan di dalam kitab " الأحوال الشخصية " karangan Prof. Dr Muhammad Baltaji, hlm 123, cetakan Dar Salam Mesir ada menyebut maksud ayat di atas seperti katanya:

ولما ثبت رزق الوالدات على الأب بسبب الولد وجب عليه رزق الولد بطريق الأولى

Apabila sabit kewajipan ke atas bapa memberi nafkah kepada isterinya disebabkan kewujudan anak maka adalah menjadi terlebih wajib lagi ke atas bapa memberi nafkah kepada anaknya, berlandaskan kaedah (طريق الأولى)

Dr. Ablah di dalam kitabnya "Al-Bunuwwah Wa al- Ubuwwah) halaman 167 ada menyebut :

(وعلى المولود له) فأضاف الولد إليه بلام الملك ، وفي ذلك إيجاب النفقة

Di dalam ayat di atas Allah Ta'ala telah menghubungkan kalimah

(إليه) kepada bapa dengan huruf (الولد) anak) kepada kalimah (لام) yang memberi erti “milik”. Oleh sebab itu, memberi nafkah kepada anak adalah hukumnya wajib.

وجه الاستدلال
إن الآية مطلقة عن أي تقدير أو تخصيص ، وقد عبر عن هذا الإطلاق بقوله تنمة للآية (بالمعروف) .
فبين هذا أن المعروف المقصود هو الإنفاق بحسب الحال الذي تدفع به الحاجة ويختلف من شخص لآخر يسارا وإعسارا
وعلى ذلك فرأي من قال بتقدير النفقة بالكفاية أولى ، لإختلاف أحوال الناس وإختلاف الأزمنة

Petunjuk ayat:

Ayat di atas adalah bersifat “ mutlak ” iaitu tidak ada satu ketentuan dan pengkhususan kadar nafkah , ini berdasarkan di penghujung ayat al-Quran di atas menyebut (بالمعروف) maksudnya “dengan cara yang baik ”

Maka jelaslah maksud “(بالمعروف)” ialah memberi nafkah mengikut keadaan hajat yang diperlukan. Keadaan seseorang itu berbeza-beza mengikut keadaan sama ada senang atau susah .

Kesimpulan di antara pandangan- pandangan di kalangan para ulama, maka pandangan mengatakan bahawa kadar nafkah diukur dari sudut “ keperluan (الكفاية) adalah أولى kerana keadaan manusia itu adalah berbeza – beza mengikut suasana dan zaman

Imam Ibnu Qudamah di dalam kitab "al-Mugni" jilid 9 muka surat 291 dan Imam al-Kasaani di dalam kitabnya (بدائع الصنائع) jilid 4 muka surat 23 ada menyebut :

تقدر النفقة بالكفاية

Nafaqah diwajibkan berdasarkan keperluan anak (الكفاية)

Dr. Ablah didalam kitabnya "Al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah) halaman 169 menghuraikan maksud "keperluan"

أى بقدر ما تدفع به الحاجة في المأكل والمشرب والمسكن والإرضاع والخدمة وبحسب الولد في سنه وزهادته ورغبته كما له أجرة الطبيب وثلث الدواء إن احتاج عليه

Maksud al-Kifayah ialah keperluan yang diperlukan oleh seorang anak seperti makanan, minuman, tempat tinggal, susuan, bayaran kos khidmat penjagaannya, semua ini berdasarkan kepada keadaan anak itu dari sudut umurnya, begitu juga tentang keperluan kepada kos-kos perubatannya sekiranya ia memerlukannya.

Seorang Hakim boleh memfardukan kadar nafaqah kepada bapa sebagaimana yang disebut di dalam kitab" al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah"

أما إن كان الأب موسرا فبحسب تقدير القاضي

Manakala jika bapa itu seorang yang berkemampuan maka Hakim boleh menentu kadar nafaqah yang di perlukan oleh anak

Merujuk kes XXXXXX lwn XXXXXX {(1980)1.JH(2)102] di mana Kadi Besar di Pulau Pinang telah membuat keputusannya dengan berkata, Nafkah anak adalah tanggungan di atas bapa kanak-kanak, itu terkandung dalam hadis yang masyhur arahan Rasulullah SAW kepada isteri Abu Sufian yang bermaksud "*Ambillah dari hartanya barang yang mencukupi bagimu kadar yang patut dan mencukupi bagi anak-anakmu.*"

Mahkamah merujuk alasan penghakiman dan fakta kes di dalam kes XXXXXX lwn XXXXXX [(1973) 3 JH 87], iaitu isteri yang di cerai menuntut nafkah untuk tiga anak di bawah jagaannya. Sebelum itu dia telah memohon kepada Mahkamah dan telah mendapat perintah pembayaran RM10 sebulan untuk anak ketiganya. Dia mengadu bahawa perbelanjaan anak-anak itu telah meningkat. Pihak kena tuntutan berkata dia tidak mampu membayar lebih, sungguhpun dia bersetuju jumlah yang diberi tidak mencukupi. Dia juga berkata dia telah mengambil satu daripada anak-anaknya daripada pihak menuntut dan anak itu tinggal dengan neneknya. Dia mendapat gaji RM310 sebulan sebagai guru sekolah biasa dan potongan RM181 dibuat dari gajinya untuk nafkah anak-anaknya. Kadi telah menimbang fakta-fakta kes itu dan telah memerintahkan bapa itu membayar RM16 sebulan bagi anak pertamanya dan RM12 sebulan untuk anak-anak yang satu lagi.

Mengikut Kes XXXXXX lwn XXXXXX [(1984) 5 JH 206], pihak menuntut memohon perubahan perintah nafkah untuk tiga anaknya. Pada tahun 1978 Mahkamah Kadi Kuala Terengganu membuat keputusan supaya yang kena

tuntut membayar nafkah tiga orang anaknya itu sebanyak RM140 sebulan. Ketiga-tiga anak itu telah besar dan telah bersekolah dan pihak menuntut memohon nafkah RM350 sebulan. Mahkamah Kadi telah memutuskan pihak kena tuntutan membayar nafkah anak-anaknya seramai tiga orang sebanyak RM250 sebulan sehingga anak-anak itu cukup umur dengan dipotong gaji melalui majikannya.

30. Sehubungan dengan itu juga di dalam membuat pertimbangan tersebut, Mahkamah juga akan melihat dan meninjau perkembangan terhadap perkembangan ekonomi semasa terutama mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan. Saya melibat bahawa telah berlaku kenaikan barang-barang keperluan rumah tangga dan anak-anak. Ini tidak boleh dinafikan. Maka berdasarkan kepada kenaikan tersebut perbelanjaan anak-anak sudah tentu akan meningkat. Mengikut senarai perbelanjaan yang diberikan oleh Defendan menunjukkan bahawa nafkah untuk dua orang anak-anaknya sebanyak RM400.00 seperti mana yang diperintahkan oleh Mahkamah adalah tidak mencukupi malah perbelanjaan tersebut sepatutnya ditambah bukan dikurangkan. Saya dapati juga Defendan telah dapat membuktikan bahawa perbelanjaan anak pertama dan kedua adalah meningkat. Senarai perbelanjaan dua anak-anak tersebut adalah seperti berikut:-

Perbelanjaan anak pertama:

- i) Tambang van sekolah RM55.00 sebulan
- ii) Tuisyen RM80.00 sebulan

- iii) Insurans RM100.00 sebulan
- iv) Duit mengaji RM20.00 sebulan
- v) Duit poket RM50 sebulan
- vi) Rawatan RM50 sebulan
- vii) Jumlah di atas RM355.00**
- viii) Awal persekolahan RM300.00 setahun
- ix) Hari Raya RM300.00 setahun

Manakala perbelanjaan anak kedua setiap bulan adalah seperti berikut:-

- i) Simpanan RM100.00
- ii) Yuran sekolah RM240.00 sebulan
- iii) Insurans RM100.00 sebulan
- iv) Duit Poket RM50 sebulan
- v) Duit mengaji RM20.00 sebulan
- vi) Rawatan RM50 sebulan
- vii) Vitamin RM60 sebulan
- viii) Jumlah di atas RM480.00**

31. Melihat kepada keperluan dua orang anak seperti mana yang dibuktikan oleh Defendan bahawa berlaku peningkatan perbelanjaan terhadap keperluan dua orang anak tersebut seperti berikut:-

- a) Perbelanjaan Anak Pertama - RM355.00 sebulan
- b) Perbelanjaan Anak Kedua - RM480.00 sebulan

32. Semua ini berjumlah RM835.00. Sedangkan perintah sementara untuk dua orang anaknya adalah RM400.00 sahaja. Ini menunjukkan bahawa kalau di ambil kira keperluan semasa perbelanjaan dua orang anak tersebut maka tentulah Mahkamah akan memberikan perintah seperti mana yang dipohon RM835.00. Akan tetapi Mahkamah juga melihat kepada kemampuan Plaintiff di dalam membuat pembayaran nafkah kepada dua anak tersebut. Ini adalah selaras dengan Firman Allah dalam Surah Talaq ayat 7 yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya atau sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah dari apa yang diberikan kepadanya. Allah tidak memberkati seseorang Muslim melainkan sekadar kemampuan yang diberikan oleh Allah kepadanya.”

Di dalam kitab (بدائع الصنائع) karangan Imam al-Kasaniey

(الإمام الكاساني) juzuk ke-3 halaman 444 cetakan Dar ihya’al-Turath al-‘Arabiyy Beirut Lebanon pula ada menyebut pandangan Ulama berhubung dengan perkara ini seperti katanya;

ذكر الخصاف أنه على الأب والأم أثلاثا ثلثاها على الأب وثلثها على الأم ،

وجه ما ذكره الخصاف : أن الأب إنما خص بإيجاب النفقة عليه لابنه الصغير لاختصاصه بالولاية ، وقد زالت ولايته بالبلوغ فيزول الإختصاص فتجب عليهما على قدر ميراثهما

Imam al-Khasaf berpendapat bahawa nafaqah terhadap anak adalah ditanggung bersama oleh kedua ibu bapanya iaitu kadarnya seperti berikut: 2/3 ditanggung oleh bapa manakala 1/3 lagi ditanggung oleh ibu.

Kata Imam Khasaf: Kewajipan bapa memberi nafaqah kepada anaknya adalah ketika umur anaknya belum baligh, ini adalah kerana anak tersebut di bawah wilayahnya (pemantauannya) manakala bila umur anaknya sudah baligh maka hilanglah wilayahnya, ketika itu nafaqah yang wajib diberikan kepada anaknya ialah kadar nisbah mengikut kiraan harta pusaka mereka berduanya (ibu dan bapa anak tersebut)

Dr Ablah di dalam kitabnya "al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah" muka surat 160 membuat kesimpulan bahawa Qaul lebih kuat dalam masalah ini adalah seperti kata beliau:

والحق أن نفقة الولد واجبة على والده ، فإن أعسر فعلى أمه ثم على الوارث مصداقاً لقوله تعالى : وعلى الوارث مثل ذلك

Sebenarnya Nafaqah anak adalah menjadi kewajipan kepada bapa membayarnya, sekiranya bapa itu seorang yang miskin maka ditanggung oleh ibu anak tersebut, jika ibu anak tersebut tidak mampu maka berpindah kepada ahli warisnya sebagaimana Firman Allah Taala di dalam surah al-Baqarah ayat 233: "Dan waris juga menanggung kewajipan (memberi nafaqah) tersebut jika sekiranya bapa tiada"

33. Daripada pandangan ulama' tersebut, saya percaya bahawa kadar RM400.00 adalah satu kadar yang munasabah dan berpatutan. Ini adalah kerana sekiranya nafkah di kurangkan akan memberi kemudaratannya kepada anak tersebut. Sekiranya di lebihkan nafkah anak tersebut akan mendatangkan ke tidak kemampuan kepada bapa tersebut. Saya percaya sekiranya mana-mana nafkah yang kurang maka Defendan boleh menampungnya. Ini adalah selaras dengan kenyataan Defendan bahawa separuh gajinya di peruntukan untuk perbelanjaan kanak-kanak tersebut.
34. Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff dan Defendan serta hujahan pihak-pihak, maka saya amat berpuas hati bahawa pihak Plaintiff mampu untuk membayar nafkah anak sebanyak RM400.00 tiap-tiap bulan kerana pendapatan gaji bulanannya telah meningkat kepada RM1,886.00, manakala baki gaji setelah ditolak pembiayaan bulanan adalah meningkat kepada RM1,000 lebih. Maka dengan ini Mahkamah perintah seperti berikut:-

Perintah

1. Mahkamah menolak permohonan Plaintiff untuk mengurangkan nafkah anak daripada RM400.00 kepada RM200.00.
2. Mahkamah kekalkan perintah nafkah sebanyak RM400.00.

3. Aku fardukan kepada kamu XXXXXX membayar nafkah dua orang anak sebanyak RM400.00 tiap-tiap bulan hingga ke hadapan
4. Mahkamah kekalkan perintah bahawa wang nafkah untuk dua orang anak sebanyak RM400.00 tiap-tiap bulan hingga ke hadapan di bayar dengan cara pemotongan gaji Plaintiff dan dimasukkan ke dalam Akaun Defendan sebagai Pemegang Amanah.
5. Maka dengan ini Mahkamah Perintahkan majikan Plaintiff membuat pemotongan gaji Plaintiff RM400.00 tiap-tiap bulan sehingga ke hadapan kepada Defendan dengan memasukkan ke dalam Akaun Defendan berkuat kuasa serta-merta.